

Artikel

Tahap Etnosentrisme dalam Kalangan Warga Sarawak di Kuching, Sarawak
(*Level of Ethnocentrism among Sarawakians in Kuching, Sarawak*)

Mahazan Muhammad*, Mohamad Fauzi Sukimi* & Novel Lyndon

Center for Research in Development, Social and Environment, Faculty of Social Sciences & Humanities,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: mahazanmuhammad@gmail.com ; fauzi@ukm.edu.my

Diserah: 26 September 2025

Diterima: 10 November 2025

Abstrak: Perbezaan sejarah, geografi dan tadbir urus pusat–negeri membentuk cara warga Sarawak menilai diri dan pihak luar dalam hubungan etnik Malaysia. Dalam wacana hubungan antara kelompok, etnosentrisme ialah pandangan atau keyakinan bahawa kelompok sendiri lebih baik berbanding kelompok lain. Kecenderungan ini boleh menyokong ikatan sosial dalaman, tetapi berpotensi melebarkan jarak sosial apabila disertai stereotaip dan prejudis tanpa asas. Tujuan kajian ialah mendeskripsikan tahap dan kandungan etnosentrisme warga Kuching di Sarawak serta menafsirnya menggunakan Teori Identiti Sosial (TIS). Kajian ini melibatkan tinjauan soal selidik terhadap 402 responden dengan menggunakan skala Likert enam mata, disertai analisis deskriptif untuk mengenal pasti tahap dan taburan peratusan item. Ambang kategori rendah, sederhana dan tinggi ditetapkan melalui pembahagian selang sama lebar bagi likert 1-6 untuk memudahkan interpretasi deskriptif. Ujian kebolehppercayaan menunjukkan nilai alfa cronbach (α) melebihi nilai ambang 0.70. Hasil menunjukkan min etnosentrisme 4.84 dengan sisihan piawai 0.89, manakala 72.1 peratus responden berada pada kategori tinggi. Item berasaskan nilai bersama seperti hidup harmoni merentas etnik, saling hormat dan kebanggaan terhadap bahasa serta warisan muncul paling kuat. Penanda perbandingan tegas seperti slogan dan keutamaan simbolik pula sederhana serta lebih terpolarisasi. Perbincangan mengesahkan jangkaan TIS bahawa harga diri sosial lazimnya dizahirkan melalui penonjolan kelebihan kumpulan sendiri tanpa memusuhi pihak luar apabila norma bersama jelas. Kesimpulannya, kajian ini menyarankan intervensi yang menumpukan pengukuhan nilai bersama dan pembinaan ruang interaksi berstatus setara, bermatlamat bersama, berlandaskan kerjasama serta disokong institusi untuk memperkukuh hubungan antara kelompok yang inklusif.

Kata Kunci: Etnosentrisme; teori identiti sosial; hubungan etnik; jarak sosial; Sarawak

Abstract: Historical, geographical, and federal–state governance differences shape how Sarawakians evaluate themselves and others within Malaysia’s interethnic relations. In the discourse on intergroup relations, ethnocentrism refers to the view or belief that one’s own group is superior to other groups. This tendency can strengthen internal social bonds but may widen social distance when accompanied by unfounded stereotypes and prejudice. The aim of this study is to describe the level and content of ethnocentrism among Sarawakians in Kuching and to interpret it using Social Identity Theory (SIT). The method involved a survey of 402 respondents using a six-point Likert scale, together with descriptive analysis and item profiling to identify patterns of meaning. The results show a mean ethnocentrism score of 4.84 with a standard deviation of 0.89, while 72.1 percent of respondents fall within the high category. Items anchored in shared values, such as living harmoniously across ethnic lines, mutual respect, and pride in language and heritage, emerge as the strongest.

Clear comparative markers, such as slogans and symbolic preferences, are moderate and more polarized. The discussion confirms SIT's expectation that social self-esteem is typically expressed through affirming in-group advantages without hostility toward outsiders when common norms are salient. In conclusion, the study recommends interventions that prioritise the strengthening of shared values and the creation of interactional spaces with equal status, common goals, cooperation, and institutional support in order to foster inclusive intergroup relations.

Keywords: Ethnocentrism; social identity theory; ethnic relations; social distance; Sarawak

Pengenalan

Hubungan etnik di Malaysia kekal sebagai tema teras dalam wacana akademik, politik dan sosial, seiring dengan agenda pembinaan negara bangsa dan amalan pluralisme pascakolonial yang membentuk pengalaman seharian warga pelbagai latar (Baharuddin, 1996; Embong, 2000, 2001). Sebagai sebuah negara persekutuan yang majmuk dari segi etnik, bahasa, agama dan budaya, Malaysia menawarkan medan empirikal yang signifikan untuk menilai bagaimana identiti kelompok dibentuk, dirundingkan dan dinyatakan dalam kehidupan seharian. Proses ini tidak seragam merentas wilayah. Perbezaan sejarah, geografi dan trajektori pembangunan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak mewarnai variasi pengalaman sosial, termasuk kesan struktur pentadbiran pusat-negeri serta episod politik yang mengubah kemononjolan identiti wilayah dari semasa ke semasa (Hazis, 2018; Amir, 2016; Baharuddin, 2008).

Dalam konteks Sarawak, keberagaman etnik seperti Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Melayu, Melanau dan Cina membentuk ekologi sosial yang tersendiri berbanding Semenanjung, dipengaruhi sejarah kenegaraan, pertukaran kerajaan dan pemimpin serta mobiliti rentas wilayah. Faktor-faktor ini berpotensi mempengaruhi sentimen terhadap warga Semenanjung dan cara makna identiti wilayah dirundingkan dalam ruang sosial harian (Leigh, 2018; Osman & Ali, 2017). Menurut Puyok (2024), politik identiti di Sarawak cenderung berorientasikan '*Sarawak First*' yang pragmatik dengan penekanan pada pembangunan dan tadbir urus sebagai wahana artikulasi maruah wilayah. Dengan latar tersebut, etnosentrisme menjadi konsep kunci untuk memahami orientasi identiti yang memusatkan rujukan kepada kelompok sendiri dalam menilai orang lain. Secara klasik, etnosentrisme merujuk kecenderungan menilai budaya dan amalan kelompok lain menggunakan kerangka nilai sendiri, sekali gus memusatkan kesetiaan sosial kepada kelompok sendiri (Bizumic, 2014). Kecenderungan ini boleh menyokong penyatuan dalaman dan penyelarasan norma, namun berpotensi melebarkan jarak sosial apabila disertai stereotaip serta prejudis yang tidak berasaskan bukti (Pettigrew & Tropp, 2006; Allport, 1954).

Bagi menjelaskan fenomena yang terjadi, kajian ini menggunakan Teori Identiti Sosial (TIS) yang menyatakan tiga proses utama dalam membentuk identiti sosial sesuatu kelompok, proses tersebut ialah pengelasan sosial, pengenalanpastian sosial dan perbandingan sosial (Tajfel & Turner, 1979). Melalui perbandingan sosial, kelompok lazimnya berusaha mengekalkan kelebihan tersendiri yang positif berbanding kelompok lain, sebagai sokongan kepada harga diri sosial kolektif. Namun kesan perbandingan tidak tunggal. Ia bergantung pada kandungan identiti yang ditonjolkan, norma ungkapan yang menetapkan sempadan apa yang dianggap wajar diungkap, serta konteks kuasa antara kelompok (Spears, 2011; Tajfel & Turner, 1979). Apabila kandungan identiti tertumpu pada nilai bersama seperti harmoni, saling hormat dan amalan budaya setempat, etnosentrisme cenderung berfungsi sebagai modal identiti akomodatif yang menyokong interaksi antara kelompok. Sebaliknya, apabila kandungan identiti dibingkai dalam logik perbandingan yang tajam, ia lebih mudah disertai generalisasi berlebihan dan prejudis yang menjarakkan (Pettigrew & Tropp, 2006; Tajfel & Turner, 1979; Allport, 1954).

Bersandarkan kepada kerangka ini, kajian ini mengoperasionalkan etnosentrisme sebagai orientasi identiti yang meneguhkan kelompok sendiri melalui dua dimensi kandungan yang boleh dibezakan pada tahap makna. Dimensi pertama ialah orientasi budaya yang akomodatif, iaitu peneguhan identiti melalui nilai yang menggalakkan kewujudan bersama seperti harmoni, saling hormat, penggunaan bahasa tempatan dan kebanggaan warisan. Dimensi ini selaras dengan pencarian kelebihan tersendiri yang positif tanpa perlu

merendahkan kelompok lain, dan secara teori wajar berkorelasi dengan corak interaksi yang lebih inklusif apabila disokong oleh norma komuniti serta institusi yang menyediakan ruang interaksi berstatus setara (Tajfel & Turner, 1979; Allport, 1954). Dimensi kedua ialah orientasi perbandingan yang menekankan keutamaan terhadap produk, simbol dan slogan identiti yang lebih tegas. Orientasi ini tidak semestinya negatif, namun risikonya meningkat apabila norma setempat mengizinkan stereotaip, kerana logik “kami lebih unggul” mudah menebalkan sempadan sosial (Crandall et al., 2002; Allport, 1954).

Walaupun literatur antarabangsa telah menekankan bahawa kasih sayang kepada *in-group* lebih lazim berbanding kebencian kepada *out-group*, dan bahawa norma sosial mengawal sempadan ekspresi prejudis, bukti empirikal bagi ekologi Sarawak masih relatif terhad. Khususnya, kurang kajian yang memprofilkan kandungan etnosentrisme pada aras item untuk membezakan antara lorong akomodatif dan lorong perbandingan dalam suasana federalisme Malaysia yang unik (Hazis, 2018; Pettigrew & Tropp, 2006; Brown, 2000; Brewer, 1999).

Justeru itu, kajian ini mempunyai dua tujuan analitik yang saling berkait. Pertama, mendeskripsikan tahap etnosentrisme warga Sarawak di Kuching secara empirikal menggunakan instrumen yang disesuaikan konteks setempat. Kedua, menghuraikan sifat kandungan etnosentrisme dengan memprofilkan butir-butir yang menangkap dua lorong makna tersebut, lalu menafsirkannya dalam kerangka TIS bagi memahami implikasi terhadap hubungan etnik. Dua persoalan asas memandu analisis: (i) apakah tahap etnosentrisme yang wujud dalam kalangan responden; dan (ii) apakah sifat kandungannya, sama ada lebih berorientasikan keterikatan budaya yang merangkum atau lebih cenderung kepada penegasan perbandingan yang tajam. Penemuan kajian ini bukan sahaja untuk memperjelas dinamika hubungan antara kelompok yang dipetakan melalui garisan wilayah, tetapi juga boleh dijadikan asas untuk merangka intervensi sosial yang realistik, khususnya reka bentuk ruang interaksi hubungan yang memenuhi prasyarat status setara, matlamat bersama, kerjasama dan sokongan institusi seperti yang dicadangkan Allport (1954).

Sorotan Literatur

Identiti kelompok terbina melalui pengelasan sosial, pengenalpastian sosial dan perbandingan sosial (Tajfel & Turner, 1979). Pengelasan sosial merujuk kecenderungan mengkategorikan diri dan orang lain kepada kelompok yang bermakna; pengenalpastian sosial berlaku apabila keanggotaan kelompok diintegrasikan ke dalam konsep diri; manakala perbandingan sosial ialah proses menilai kelompok sendiri berbanding kelompok lain bagi mengekalkan kelebihan tersendiri yang positif, sekali gus menyokong harga diri sosial kolektif (Tajfel & Turner, 1979). Dalam kerangka ini, keutamaan terhadap kelompok sendiri tidak semestinya berakhir sebagai permusuhan terhadap kelompok lain. Arah dan intensiti kesannya bergantung pada kandungan identiti yang ditonjolkan, norma yang mengawal ungkapan sikap, dan konteks interaksi antara kelompok. Dengan kata lain, TIS memberi amaran daripada generalisasi mudah bahawa “identiti kuat pasti eksklusif”; sebaliknya ia menuntut perhatian kepada mekanisme makna yang menghubungkan peneguhan identiti dengan perilaku antara etnik (Tajfel & Turner, 1979).

Berasaskan prinsip TIS ini, etnosentrisme dalam konteks kajian ini dioperasionalkan sebagai orientasi identiti yang meneguhkan kelompok sendiri melalui dua dimensi kandungan yang dapat dibezakan pada tahap makna. Dimensi pertama ialah orientasi budaya yang akomodatif, yang menzahirkan peneguhan identiti melalui nilai yang menggalakkan kewujudan bersama seperti harmoni, saling hormat, penggunaan bahasa tempatan dan kebanggaan warisan. Dimensi ini sejajar dengan pencarian kelebihan tersendiri yang positif tanpa perlu merendahkan yang lain, dan secara teori seharusnya berkorelasi dengan corak interaksi antara kelompok yang lebih akomodatif apabila disokong oleh norma serta institusi yang menyediakan ruang interaksi berstatus setara (Allport, 1954; Tajfel & Turner, 1979).

Dimensi kedua ialah orientasi perbandingan, yang menekankan keutamaan terhadap produk, simbol dan slogan identiti yang lebih tegas. Orientasi ini tidak semestinya negatif, namun risikonya meningkat apabila ia dibingkai dalam logik “kami lebih unggul” yang tajam, khususnya jika norma sosial setempat mengizinkan atau menggalakkan ungkapan stereotaip dan prejudis. Dalam keadaan tersebut, kandungan perbandingan mudah melimpah menjadi generalisasi berlebihan yang menebalkan sempadan ruang pemetakan antara

kelompok, justeru memerlukan intervensi norma dan reka bentuk interaksi untuk mengekalkan suasana inklusif (Allport, 1954; Tajfel & Turner, 1979; Crandall et al., 2002).

Kedudukan TIS sebagai kerangka kerja empirikal turut bergantung pada pengukuran yang tertib. Dari segi pengukuran, etnosentrisme umum atau komunikasi lazimnya diukur menggunakan *Generalized Ethnocentrism (GENE) Scale* oleh Neuliep dan McCroskey (1997), manakala etnosentrisme pengguna dinilai melalui *CETSCALE* (Shimp & Sharma, 1987) serta pengujian silang budaya susulannya (Sharma et al., 1995), yang menekankan kecenderungan mengutamakan produk atau kelompok sendiri sebagai petunjuk kandungan perbandingan. Skala etnosentrisme dan sikap antara kumpulan lazimnya menstruktur butir-butir yang menangkap kedua-dua jalur makna ini, sama ada melalui indeks umum atau subskala tematik, dengan pelaporan profil item untuk menilai apa yang benar-benar dirayakan atau dibandingkan oleh responden. Amalan ini konsisten dengan saranan dalam literatur pengukuran psikososial dan komunikasi rentas budaya yang menekankan kesesuaian konteks setempat, ketelusan andaian serta pelaporan yang berhati-hati terhadap batasan generalisasi bagi sampel bukan kebarangkalian (Neuliep & McCroskey, 1997; Delamater & Myers, 2000; Creswell, 2013). Dalam erti kata lain, kekuatan TIS bukan hanya pada penjelasan tahap keterikatan, tetapi pada kebolehan memetakan kandungan identiti yang memediasi sama ada keutamaan *in-group* berfungsi sebagai modal penyatu atau sebagai pemisah dalam hubungan etnik.

Pembinaan negara bangsa di Malaysia berlangsung dalam kerangka pluralisme pascakolonial yang kompleks yang mempengaruhi pengalaman warganegara merentas wilayah serta membentuk batas simbolik antara kelompok sosial. Perbincangan tentang budaya politik, pluralisme dan amalan kewarganegaraan menegaskan bahawa tafsiran identiti dan kepunyaan sentiasa diolah oleh wacana kenegaraan, sejarah penjajahan dan konfigurasi kuasa semasa (Embong, 2000; Embong, 2001; Baharuddin, 1996). Pada aras institusi, hubungan pusat dan negeri bergantung pada pembahagian kuasa perlembagaan, amalan federalisme dan rutin tadbir urus yang tidak statik. Episod politik seperti pilihan raya, perubahan dasar dan tuntutan autonomi boleh meningkatkan kementakan identiti wilayah, menegangkan sempadan simbolik atau sebaliknya melonggarkannya melalui konsesi dan akomodasi (Chin, 1997; Baharuddin, 2008; Amir, 2016; Hazis, 2018). Dalam konteks Borneo, wacana pasca MA63 dan federalisme praktikal menunjukkan bagaimana persepsi keadilan persekutuan menjadi penapis kepada tafsiran maruah wilayah dan kesediaan kerjasama pusat–negeri (Osman & Ali, 2017; Abas et al., 2025).

Dalam ruang sosial ini, etnosentrisme sering dizahirkan sebagai maruah budaya dan wilayah yang sah untuk dipertahankan. Namun kesannya ke atas jarak sosial tidak tunggal. Pertama, apabila saluran normatif menekankan nilai bersama seperti harmoni, saling hormat dan pengiktirafan sumbangan silang wilayah, peneguhan identiti cenderung mengalir ke arah akomodasi dan interaksi yang saling melengkapi. Peranan bahasa, seni dan warisan sebagai aset identiti berisiko rendah ditunjukkan dalam kajian tempatan yang menghubungkan sikap terhadap pembelajaran bahasa dan orientasi antara kelompok di Sarawak, serta dalam kajian literasi dan penggunaan bahasa kedua yang merakam saluran akomodasi harian di sekolah dan komuniti (Lee et al., 2025; Austrus et al., 2024; Ting, 2020). Di samping itu, penyelidikan tentang keterhubungan digital dan jaringan sosial di Sarawak memperlihatkan bagaimana ekologi media dan mobiliti membentuk peluang keterhubungan, memperluas naratif kerjasama atau sebaliknya menormalisasikan pemisahan simbolik jika tiada pengurusan norma (Akobiarek & Puyok, 2024; Horn & Gifford, 2022). Kedua, jika bingkai perbandingan yang kompetitif mendominasi dan norma komuniti mengizinkan stereotaip terbuka, orientasi perbandingan akan lebih mudah melimpah kepada prejudis dan penjarakan, sejajar dengan penegasan oleh Crandall et al., (2002) tentang peranan norma dalam mengawal apa yang boleh diungkap secara sosial.

Metodologi

1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan keratan lintang (*cross-sectional survey design*) berorientasikan kuantitatif bagi menilai tahap dan kandungan etnosentrisme dalam kalangan warga Sarawak di Kuching. Pendekatan ini sesuai untuk memperoleh gambaran deskriptif populasi sasaran pada satu titik masa, dengan fokus pada analisis deskriptif dan profil item.

2. Instrumen

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang diisi sendiri oleh responden, yang mengandungi soalan berkaitan demografi yang menghuraikan profil responden dan item soalan etnosentrisme. Skala respons menggunakan Likert enam mata (1 = sangat tidak setuju hingga 6 = sangat setuju). Ambang kategori tahap etnosentrisme ditetapkan melalui pembahagian selang sama lebar bagi skala 1–6, iaitu 1.00–2.67 (rendah), 2.68–4.33 (sederhana) dan 4.34–6.00 (tinggi), bagi mengekalkan jarak ordinal setara dan memudahkan interpretasi deskriptif.

Item soal selidik kajian ini dibangunkan berasaskan adaptasi dari *Generalized Ethnocentrism* (GENE) Scale oleh Neuliep dan McCroskey (1997), dan CETSCALE (Shimp & Sharma, 1987; Sharma, et al, 1995). Pembangunan item soal selidik kajian ini melibatkan proses penilaian pakar dan pra-ujian dan penambahbaikan. Dalam kajian ini, tiga panel pakar (akademik dan pengamal penyelidikan sosial) menilai kejelasan dan kesesuaian item mengikut konteks setempat. Berdasarkan maklum balas pra-ujian, penambahbaikan bahasa dan susunan dilakukan sebelum kutipan data sebenar. Pemeriksaan kebolehppercayaan menunjukkan nilai alfa Cronbach (α) bagi skala melebihi ambang 0.70, menepati saranan Nunnally dan Bernstein (1994).

3. Sampel dan Pensampelan

Responden dipilih menggunakan pensampelan kemudahan dengan kriteria homogen. Kriteria homogen ialah: berumur 18 tahun dan ke atas, bermastautin di Kuching, serta kelahiran Sarawak. Pendekatan ini mempunyai beberapa merit saintifik, termasuk mengurangkan varians luar yang tidak relevan dan meningkatkan kebolehbandingan dalaman, sekali gus memberi kesimpulan deskriptif yang lebih jelas berbanding pensampelan kemudahan heterogen dalam syarat tertentu (Jager et al., 2017). Proses pensampelan dilaksanakan di beberapa lokasi yang mudah diakses bagi mempelbagaikan saluran tanpa menjejaskan kriteria homogen. Penyertaan adalah sukarela, borang diisi sendiri oleh responden dengan bantuan enumerator apabila diperlukan. Saiz sampel akhir ialah $n = 402$.

4. Analisis Data

Analisis data dilaksanakan menggunakan SPSS melalui beberapa langkah yang tersusun. Langkah pertama yang dilakukan ialah pembersihan data yang meliputi semakan nilai hilang dan pengesanan duplikasi. Analisis pengelasan tahap etnosentrisme dilakukan berdasarkan kategori rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan ambang sama lebar bagi skala 1–6 seperti yang dinyatakan dalam seksyen instrumen. Seterusnya, statistik deskriptif dijana untuk melaporkan frekuensi, peratus, min, sisihan piawai bagi setiap item etnosentrisme.

Hasil Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 402 responden yang majoritinya terdiri dari jantina Perempuan 60.9% manakala lelaki 39.1% (lihat Jadual 1). Dari kategori kelompok umur pula didominasi golongan 21–30 tahun 50.6%, diikuti 31–40 tahun 27.5%; kumpulan 41–50 tahun 12.0% dan ≤ 20 tahun 4.7% lebih kecil, manakala 51–60 tahun 4.2% dan > 60 tahun 1.0% adalah minoriti. Komposisi etnik menunjukkan Melayu 48.8% sebagai kumpulan terbesar, diikuti Bidayuh 17.7%, Iban 16.7%, Cina 9.5%, serta kelompok lain pada kadar yang lebih kecil seperti Melanau 3.0%, Kenyah 1.2%, Kayan 0.7%, Kedayan 0.5%, Kelabit 0.5%, Bugis 0.5%, India 0.5%, Lunbawang 0.2% dan Punjabi 0.2%. Dari aspek pekerjaan, masih belajar 32.4% merupakan kategori terbesar, diikuti kakitangan swasta 18.9% dan kerja sendiri 18.9%; kakitangan kerajaan 12.4%, tidak bekerja 9.0%, suri rumah 4.5%, pesara 1.2%, dan lain-lain 2.7%. Secara keseluruhan, taburan ini memperlihatkan sampel yang relatif muda dengan kepelbagaian etnik tempatan Sarawak.

Jadual 1. Profil demografi responden

Profil	Bilangan (n)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	157	39.1
Perempuan	245	60.9
Umur		
Kurang daripada 20 tahun	19	4.7
21-30 tahun	204	50.6
31-40 tahun	110	27.5
41-50 tahun	48	12.0
51-60 tahun	17	4.2
Lebih daripada 60 tahun	4	1.0
Bangsa/Etnik		
Melayu	196	48.8
Bidayuh	71	17.7
Iban	67	16.7
Cina	38	9.5
Melanau	12	3.0
Kenyah	5	1.2
Kayan	3	0.7
Kedayan	2	0.5
Kelabit	2	0.5
Bugis	2	0.5
India	2	0.5
Lunbawang	1	0.2
Punjabi	1	0.2
Pekerjaan		
Kakitangan Kerajaan	50	12.4
Kakitangan Swasta	76	18.9
Kerja Sendiri	76	18.9
Pesara	5	1.2
Tidak Bekerja (Menganggur/Mencari Kerja)	36	9.0
Suri Rumah	18	4.5
Masih Belajar	130	32.4
Lain-lain	11	2.7

Sumber: Kajian lapangan

Secara agregat, tahap etnosentrisme responden berada pada aras tinggi dengan min 4.84 dan sisihan piawai 0.89. Pengelasan kategori menunjukkan 72.1% responden berada pada tahap tinggi, 27.6% pada tahap sederhana, manakala hanya 0.2% pada tahap rendah (rujuk Jadual 2). Angka ini mengesahkan kewujudan orientasi identiti yang kukuh dalam kalangan warga Sarawak di Kuching mengikut indikator yang diukur.

Jadual 2. Tahap etnosentrisme

Tahap	Bilangan	Peratus	Min	S.P
			4.84	0.89
Rendah (1.00 - 2.67)	1	0.2		
Sederhana (2.68 – 4.33)	111	27.6		
Tinggi (4.34 – 6.00)	290	72.1		

Sumber: Kajian lapangan

Jadual 3 menunjukkan analisis setiap item yang memperincikan kandungan orientasi identiti yang membentuk skor keseluruhan. Item berkaitan hidup bersama secara harmoni merentasi etnik, budaya, bahasa

dan agama (item 9) merekodkan min 5.39 (SP 0.96) dengan 81.9% responden memilih kategori setuju dan sangat setuju. Indikator keunikan budaya sampai peringkat antarabangsa (item 3) turut tinggi dengan min 5.26 (SP 1.03) dan 79.8% setuju atau sangat setuju. Dua norma sosial yang menyokong interaksi akomodatif, iaitu toleransi antara kaum (item 5; min 5.11, SP 1.13) dan budaya menghormati (item 6; min 5.04, SP 1.13), masing-masing mencatat 72.7% dan 71.4% pada kategori setuju atau sangat setuju. Penanda kebanggaan bahasa tempatan juga tinggi, dengan bangga bertutur bahasa Sarawak ketika berinteraksi dengan orang Semenanjung (item 7; min 4.93, SP 1.22; 68.4% setuju atau sangat setuju). Penilaian keunikan seni dan makanan mengekalkan pola positif yang serupa, masing-masing tarian Sarawak unik (item 2; min 4.93, SP 1.22; 65.9% setuju atau sangat setuju) dan makanan Sarawak unik (item 1; min 4.83, SP 1.29; 63.4% setuju atau sangat setuju).

Bagi keutamaan membeli produk tempatan (item 4), min direkodkan pada 4.64 (SP 1.24) dengan 55.5% responden berada pada kategori setuju atau sangat setuju, menunjukkan sokongan yang baik tetapi lebih sederhana berbanding indikator budaya dan norma sosial. Penilaian terhadap bakat artis/penyanyi Sarawak (item 10) adalah paling rendah dalam set, dengan min 4.17 (SP 1.26) dan 39.3% setuju atau sangat setuju. Item sokongan kepada slogan “Sarawak for Sarawakians” (item 8) juga sederhana dengan min 4.11 tetapi menunjukkan sebaran respons yang lebih terpolarisasi (SP 1.69): 44.8% setuju atau sangat setuju, manakala 18.1% berada pada kategori tidak setuju atau sangat tidak setuju. Pola ini menandakan bahawa penanda identiti yang lebih tegas cenderung mencetuskan variasi respons yang lebih luas berbanding penanda harmoni dan norma sosial.

Jadual 3. Taburan peratusan bagi item Etnosentrisme

Item	1	2	3	4	5	6	Min	S.P
	%	%	%	%	%	%		
1. Makanan di Sarawak adalah lebih unik berbanding dengan negeri lain.	1.0	3.2	15.7	16.7	18.4	45.0	4.83	1.29
2. Tarian masyarakat Sarawak sangat unik berbanding tarian dari negeri-negeri lain di Malaysia.	0.7	3.2	10.4	19.7	18.9	47.0	4.93	1.22
3. Budaya masyarakat Sarawak mempunyai keunikan tersendiri sehingga terkenal di peringkat antarabangsa.	-	1.5	8.0	10.7	22.1	57.7	5.26	1.03
4. Saya akan mengutamakan membeli produk Sarawak berbanding produk luar.	1.2	3.3	14.4	25.6	21.9	33.6	4.64	1.24
5. Orang Sarawak mempunyai sikap toleransi antara kaum yang sangat tinggi berbanding negeri lain.	0.2	2.0	9.5	15.7	19.2	53.5	5.11	1.13
6. Orang Sarawak mempunyai budaya menghormati yang sangat tinggi berbanding negeri lain.	0.7	1.7	8.7	17.4	23.6	47.8	5.04	1.13
7. Saya bangga bertutur dalam bahasa Sarawak bila berkomunikasi dengan orang Semenanjung.	1.2	3.0	10.4	16.9	22.9	45.5	4.93	1.22
8. Saya menyokong slogan “Sarawak for Sarawakians”	11.4	6.7	17.7	19.4	13.2	31.6	4.11	1.69
9. Walaupun berbagai etnik, budaya, bahasa, dan agama, orang Sarawak dapat hidup bersama-sama dengan harmoni.	-	0.5	6.7	10.9	16.2	65.7	5.39	0.96
10. Penyanyi/artis dari Sarawak lebih berbakat berbanding penyanyi/artis negeri lain.	2.5	6.5	19.6	32.1	21.4	17.9	4.17	1.26

Sumber: Kajian lapangan

Perbincangan

Dapatan menunjukkan tahap etnosentrisme yang tinggi dalam kalangan warga Sarawak di Kuching, namun corak kandungannya didominasi dimensi budaya yang akomodatif, khususnya nilai harmoni antara etnik, saling hormat, kebanggaan bahasa dan apresiasi warisan. Tafsiran ini selaras dengan TIS yang menegaskan bahawa identiti kelompok terbentuk melalui pengelasan sosial, pengenalanpastian sosial dan perbandingan sosial. Perbandingan sosial mendorong pencarian kelebihan tersendiri yang positif untuk menyokong harga diri sosial, tetapi tidak semestinya menuntut perendahan kelompok lain (Spears, 2011; Brewer, 1999; Tajfel & Turner, 1979). Dengan kata lain, peneguhan identiti *in-group* boleh berfungsi sebagai sumber keterikatan dalaman tanpa berakhir kepada permusuhan, bergantung pada kandungan makna yang dianggap sah oleh komuniti serta norma yang mengawal ungkapan identiti tersebut (Brewer, 1999; Tajfel & Turner, 1979).

Kedudukan skor tertinggi pada item nilai bersama mengisyaratkan bahawa norma komuniti di Kuching menilai tinggi harmoni dan saling hormat sebagai cara yang sah untuk mengekspresikan keterikatan. Hujah ini disokong oleh penemuan psikologi sosial bahawa norma sosial membentuk sempadan dan mengawal ekspresi perkara yang boleh diungkap berkaitan stereotaip dan prejudis (Crandall et al., 2002). Apabila norma mengutamakan harmoni, peneguhan identiti cenderung dinyatakan secara inklusif serta berhati-hati, sekalipun keterikatan kepada kelompok sendiri tinggi. Sebaliknya, apabila norma melemah, ungkapan identiti mudah beralih kepada perbandingan tajam dan seterusnya prejudis (Crandall et al., 2002). Selaras naratif ini, taburan sisihan piawai (SP) merentas item menyokong dakwaan tentang polarisasi terpilih: item harmoni (Item 9) memperlihatkan SP terendah, 0.96, menandakan konsensus yang relatif tinggi; sebaliknya penanda komparatif seperti slogan (Item 8) menunjukkan SP 1.69, dan “artis lebih berbakat” (Item 10) SP 1.26, manakala keutamaan produk (Item 4) SP 1.24. Corak SP yang lebih besar pada penanda komparatif memberi isyarat sebaran respons yang lebih melebar dan heterogen berbanding indikator nilai bersama.

Pada masa yang sama, corak sederhana dan lebih terpolarisasi pada penanda perbandingan yang tegas, seperti sokongan kepada slogan identiti dan keutamaan terhadap simbol tertentu, memberi isyarat bahawa dimensi perbandingan wujud tetapi tidak dominan. Berpandukan TIS, penilaian terhadap pihak luar sangat bergantung pada bingkai perbandingan dan norma bersama yang mengatur interaksi. Apabila hubungan ditakrif oleh matlamat bersama dan kerjasama, kebanggaan terhadap kumpulan sendiri lazimnya dizahirkan sebagai penegasan maruah identiti dan bukan sebagai permusuhan. Dalam konteks ini, orientasi budaya yang akomodatif bertindak sebagai penampan yang menyalurkan penonjolan identiti kepada bentuk kerjasama dan saling hormat, sekali gus mengecilkan ruang bagi stereotaip dan prejudis (Brewer, 1999; Brown, 2000).

Kandungan identiti yang terzahir di Kuching tidak terpisah daripada struktur federalisme dan episod politik. Sarawak memiliki sejarah pentadbiran dan perundingan pusat–negeri yang mempengaruhi persepsi keadilan persekutuan serta maruah wilayah. Literatur menunjukkan bahawa intervensi pusat, pilihan raya negeri dan wacana autonomi boleh meningkatkan kemenonjolan identiti wilayah, namun ekspresi akhirnya dimediasi oleh insentif institusi dan norma setempat (Hazis, 2018; Osman & Ali, 2017; Chin, 1997). Terkini, kajian literasi politik berkaitan MA63 menambah bukti bahawa persepsi keadilan persekutuan bertindak sebagai penapis terhadap kesediaan bekerjasama dan penerimaan naratif nilai bersama. Ini memberi konteks mengapa item perbandingan seperti slogan identiti mendapat respons yang lebih tersebar atau terpolarisasi, sementara item akomodatif kekal kuat di lapangan sosial harian (Abas et al., 2025; Amir, 2016). Implikasi teori yang lebih luas ialah dapatan ini menyokong tesis “*ingroup love*” yang relatif lebih dominan daripada “*outgroup hate*” apabila norma harmoni komuniti adalah kuat (Brewer, 1999). Dengan kata lain, harga diri sosial boleh ditegakkan melalui penegasan maruah identiti dan nilai bersama tanpa memerlukan merendahkan pihak luar; hal ini konsisten dengan andaian TIS bahawa kesan identiti dimediasi oleh kandungan makna dan norma ekspresi.

Tiga saranan telah dikenalpasti bagi implikasi praktikal dan reka bentuk intervensi. Pertama, mengarusperdanaan naratif nilai bersama dalam kurikulum, media komuniti dan seni budaya setempat. usaha merapatkan hubungan dalam kalangan warga borneo khususnya Sarawak dengan warga semenanjung Malaysia perlu mengekalkan kandungan identiti pada lorong nilai bersama, seperti naratif harmoni, saling hormat, bahasa dan seni setempat, kerana dimensi ini terbukti menyokong interaksi akomodatif sambil tetap memenuhi keperluan kelebihan tersendiri yang positif bagi *in-group* (Tajfel & Turner, 1979). Kedua,

membina hubungan antara kelompok yang mematuhi prasyarat Allport. Sebagai contoh, projek komuniti berpasukan rentas etnik, latihan kerja berasaskan masalah setempat dan aktiviti keusahawanan sosial rentas wilayah, dengan menerap nilai status setara, matlamat bersama, kerjasama dan sokongan institusi (Pettigrew & Tropp, 2006; Allport, 1954). Ketiga, komunikasi pusat–negeri yang peka maruah wilayah, menonjolkan keadilan persekutuan serta pengiktirafan sumbangan dan hak Sarawak; pendekatan ini sejajar dengan bukti bahawa persepsi keadilan institusi mempengaruhi kesediaan bekerjasama dan nada wacana identiti (Chin, 1997; Osman & Ali, 2017; Hazis, 2018; Abas et al., 2025). Di samping itu, penyampaian dasar dan program silang wilayah wajar mengelakkan bingkai “kami vs mereka” yang kompetitif, sebaliknya menekankan kerjasama fungsional dan pengiktirafan sumbangan timbal balik, yang menurut bukti psikologi sosial mengurangkan stereotaip sambil mengekalkan martabat identiti setempat (Allport, 1954; Fiske et al., 2002; Pettigrew & Tropp, 2006).

Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa etnosentrisme warga Sarawak di Kuching berada pada tahap tinggi, namun kandungannya didominasi dimensi budaya yang akomodatif seperti harmoni, saling hormat, kebanggaan berbahasa, dan apresiasi warisan. Manakala penanda perbandingan yang lebih tegas seperti keutamaan produk, bakat artis atau slogan identiti berada pada aras sederhana serta lebih terpolarisasi. Tafsiran menurut TIS menunjukkan pencarian kelebihan tersendiri tidak semestinya menuntut permusuhan, kerana kesan identiti ditentukan oleh kandungan makna dan norma setempat. Corak ini menjelaskan mengapa keterikatan kepada kelompok sendiri boleh wujud seiring interaksi yang inklusif.

Selain itu, kajian ini menambah bukti bahawa peneguhan identiti paling stabil apabila disalurkan melalui nilai bersama dan sumber maruah rendah risiko seperti bahasa dan warisan. Dua lorong kandungan identiti yang dikenal pasti, iaitu lorong akomodatif dan lorong perbandingan, menjelaskan mengapa keterikatan kuat boleh hadir bersama hubungan antara etnik yang relatif inklusif. Apabila norma komuniti menilai tinggi harmoni dan penghormatan, ungkapan identiti lazimnya terkawal. Sebaliknya, jika bingkai perbandingan yang kompetitif dominan dan norma membenarkan stereotaip terbuka, penanda perbandingan lebih mudah melimpah kepada prejudis dan penjarakan. Dapatkan profil item dalam manuskrip ini memberikan sokongan empirikal yang jelas kepada kerangka tersebut dengan menunjukkan jarak respons yang lebih besar pada penanda perbandingan berbanding item nilai bersama.

Ekologi federalisme Malaysia dan episod politik wilayah merupakan latar penting yang mempengaruhi interpretasi maruah wilayah serta keinginan kerjasama pusat–negeri. Persepsi keadilan persekutuan, mobiliti penduduk, peranan media dan jaringan sosial harian menstruktur peluang interaksi antara *in-group* dan *out-group*. Dalam lingkungan ini, kekuatan item akomodatif yang diperoleh di Kuching wajar dilihat sebagai satu dapatan empirikal yang boleh dimanfaatkan. Dengan kata lain, terdapat modal sosial yang sedia ada untuk digerakkan ke arah interaksi rentas etnik yang berorientasikan matlamat bersama, selagi reka bentuk institusi dan komunikasi awam mengelakkan bingkai perbandingan yang menegangkan.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa dalam ekologi masyarakat majmuk dan berstruktur persekutuan seperti Malaysia, peneguhan identiti wilayah boleh berfungsi sebagai modal sosial yang inklusif. Kuncinya ialah mengekalkan kandungan identiti pada lorong nilai bersama yang mengiktiraf budaya, bahasa, dan warisan serta mewujudkan prasyarat interaksi yang adil. Apabila kedua-dua syarat ini diinstitusikan, keterikatan kepada kelompok sendiri bukan penghalang, sebaliknya menjadi tenaga sosial yang menyokong kerjasama rentas etnik dan rentas wilayah. Dengan memanfaatkan modal akomodatif yang telah dikenal pasti di Kuching, intervensi yang dirancang dengan teliti berpotensi mengurangkan stereotaip, merapatkan jarak sosial dan memperkukuh perpaduan nasional tanpa mengikis maruah identiti setempat.

Kajian lanjutan perlu dilaksanakan untuk memperolehi gambaran yang lebih menyeluruh kerana kajian ini mempunyai limitasi dalam membuat kesimpulan umum yang merangkumi keseluruhan populasi negeri Sarawak. Antara limitasi kajian ini ialah pensampelan kemudahan yang homogen di satu lokasi (Kuching) menghadkan kebolehwakilan, dan komposisi sampel yang lebih muda boleh mempengaruhi corak sikap. Ukuran sendiri pula terdedah kepada bias desirabiliti sosial dan kecenderungan setuju. Justeru itu, penyelidikan seterusnya wajar diperluas ke daerah lain di Sarawak dan Sabah serta dibandingkan dengan

Semenanjung menggunakan pensampelan kebarangkalian agar kesahan luaran lebih kukuh. Rekabentuk longitudinal atau eksperimen sosial seperti intervensi kontak berprasyarat Allport dengan ukuran pra-pasca stereotaip dan jarak sosial dapat membolehkan ujian inferens kausal dibuat.

Penghargaan: Penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, khususnya Geran TAP (TAP-K006758) kerana membiayai penyelidikan ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abas, N. S., Lyndon, N., Yusoff, N. H., Othman, Z., & Suznan, N. S. (2025). Tahap literasi politik masyarakat Sabah mengenai hubungan negeri–Persekutuan berdasarkan MA63 dalam kerangka federalisme. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(3).
- Akobiarek, G. C., & Puyok, A. (2024). Patterns of social media choice and use and their impacts on online political participation in Sarawak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(4), 1–22.
- Allport, G. W. (1954). *The nature of prejudice*. Addison-Wesley.
- Amir, J. (2016). Etnik Sabah dan Sarawak setelah setengah abad dalam Malaysia. Dalam Mat Zin M. K., Christina A., & Ismail A. (Pnyt.), *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak* (hlm. 285–311). Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Austrus, E., Mahamod, Z., & Adnan, N. (2024). Factors Influencing Malays as a Second Language Learning in Essay Writing: A case study of Iban Ethnic Students in Sarawak, Malaysia. *e-BANGI: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(4).
- Baharuddin, S. A. (1996). Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Southeast Asian Studies*, 34(3), 476–499. https://doi.org/10.20495/tak.34.3_476
- Baharuddin, S. A. (2008). *Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience (Siri Kertas Kajian Etnik UKM, No. 2)*. Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bizumic, B. (2014). Who coined the concept of ethnocentrism? *Journal of Social and Political Psychology*, 2(1), 3–10. <https://doi.org/10.5964/jspp.v2i1.264>
- Brewer, M. B. (1999). The psychology of prejudice: Ingroup love and outgroup hate? *Journal of Social Issues*, 55(3), 429–444. <https://doi.org/10.1111/0022-4537.00126>.
- Brown, R. (2000). Social identity theory: Past achievements, current problems and future challenges. *European Journal of Social Psychology*, 30(6), 745–778. [https://doi.org/10.1002/1099-0992\(200011/12\)30:6](https://doi.org/10.1002/1099-0992(200011/12)30:6)
- Chin, J. (1997). Politics of federal intervention in Malaysia, with reference to Sarawak, Sabah and Kelantan. *The Journal of Commonwealth & Comparative Politics*, 35(2), 96–120. <https://doi.org/10.1080/14662049708447747>
- Crandall, C. S., Eshleman, A., & O'Brien, L. (2002). Social norms and the expression and suppression of prejudice: The struggle for internalization. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82(3), 359–378. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.82.3.359>
- Embong, A. R. (2000). *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Embong, A. R. (2001). *The Culture and Practice of Pluralism in Postcolonial Malaysia*. Dalam R. W. Hefner (Ed.), *The Politics of Multiculturalism* (pp. 59–85). University of Hawai'i Press.
- Fiske, S. T., Cuddy, A. J. C., Glick, P., & Xu, J. (2002). A model of (often mixed) stereotype content: Competence and warmth respectively follow from perceived status and competition. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82(6), 878–902.

- Hazis, F. S. (2018). Domination, contestation, and accommodation: 54 years of Sabah and Sarawak in Malaysia. *Southeast Asian Studies*, 7(3), 341–361. https://doi.org/10.20495/seas.7.3_341
- Horn, C., & Gifford, S. M. (2022). ICT uptake and use and social connectedness in rural and remote communities: A study from Sarawak, Malaysia. *Information Technology for Development*, 28(4), 721–746. <https://doi.org/10.1080/02681102.2021.2021844>
- Jager, J., Putnick, D. L., dan Bornstein, M. H. (2017). More than just convenient: The scientific merits of homogeneous convenience samples. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 82(2), <https://doi.org/10.1111/mono.12296>
- Lee, Y. Y., Chew, F. P., & Yeoh, Y. Y. (2025). Hubungan antara Sikap dengan Niat Pembelajaran Bahasa Cina di Serian, Sarawak. *e-BANGI Journal*, 22(3).
- Leigh, M. B. (2018). *The rising moon: Political change in Sarawak, 1959–1972* (2nd ed.). Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Neuliep, J. W., & McCroskey, J. C. (1997). The development of a U.S. and generalized ethnocentrism scale. *Communication Research Reports*, 14(4), 385–398. <https://doi.org/10.1080/08824099709388682>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Osman, M. N. M., & Ali, R. (2017). Sarawak state elections 2016: Revisiting federalism in Malaysia. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 36(1), 31–55. <https://doi.org/10.1177/186810341703600102>
- Pettigrew, T. F., & Tropp, L. R. (2006). A meta-analytic test of intergroup contact theory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 90(5), 751–783. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.90.5.751>
- Puyok, A. (2024). *Gabungan Parti Sarawak (GPS) and the Dayak vote*. ISEAS Perspective, 2024(61). ISEAS–Yusof Ishak Institute.
- Sharma, S., Shimp, T. A., & Shin, J. (1995). Consumer ethnocentrism: A test of antecedents and moderators. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 23(1), 26–37. <https://doi.org/10.1007/BF02894609>
- Shimp, T. A., & Sharma, S. (1987). Consumer ethnocentrism: Construction and validation of the CETSCALE. *Journal of Marketing Research*, 24(3), 280–289. <https://doi.org/10.1177/002224378702400304>
- Spears, R. (2011). Group identities: The social identity perspective. Dalam S. J. Schwartz, K. Luyckx, & V. L. Vignoles (Pnyt.), *Handbook of Identity Theory and Research* (hlm. 201–224). Springer.
- Tajfel, H., & Turner, J. C. (1979). An integrative theory of intergroup conflict. Dalam W. G. Austin & S. Worchel (Pnyt.), *The social psychology of intergroup relations* (hlm. 33–47). Brooks/Cole.
- Ting, S.-H. (2020). Ethnic identity and other-group orientation of ethnic Chinese in Malaysia. *International Journal of Society, Culture & Language*, 8(2), 75–89.